



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (35)

Tarikh : 20 Mac 2017

**SIARAN MEDIA**

**Penjenamaan Semula PLANMalaysia dan Sambutan Hari  
Kebahagiaan Sedunia (*International Day of Happiness*)**

Putrajaya, 20 Mac 2017 – YB Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melancarkan penjenamaan semula Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) ke PLANMalaysia dan Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia (*International Day of Happiness*) di Perhimpunan Bulanan KPKT bagi bulan Mac pada pagi ini.

2. Penjenamaan semula JPBD ke PLANMalaysia adalah bagi memantapkan kedudukan PLANMalaysia sebagai satu organisasi yang memainkan peranan dalam penyelarasan perancangan dan pembangunan Negara. Penjenamaan ini telah diputuskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 Januari 2017.

3. Ia juga adalah selaras dengan agenda transformasi KPKT dan jabatan di bawahnya untuk meningkatkan imej kementerian dan jabatan di peringkat masyarakat tempatan dan persada antarabangsa.

4. Sementara itu, Hari ini adalah Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia (*International Day of Happiness*) yang dilancarkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bermula pada 20 Mac 2013 selaras dengan resolusi dokumen 66/281 yang dibentangkan oleh Setiausaha Agung PBB, Ban Ki Moon pada 12 Julai 2012.

5. Beliau telah mengisytiharkan 20 Mac setiap tahun sebagai Hari Kebahagiaan Sedunia (International Day of Happiness) yang mengiktiraf perkaitan di antara keseimbangan pembangunan fizikal, sosial dan alam sekitar ke arah kebahagiaan dan kesejahteraan penduduk sejagat. Ini adalah selaras dengan matlamat PBB untuk mewujudkan keamanan dan kesejahteraan melalui aspirasi universal dalam kehidupan manusia di seluruh dunia.

6. Sambutan pada kali ini dengan bertemakan **Kebahagiaan Bermula Dari Rumah**. KPKT menyambut hari ini dengan menumpukan kepada semangat untuk mewujudkan keceriaan di kalangan warga kerja KPKT sendiri dalam usaha memastikan keceriaan bekerja di kalangan warga kerja KPKT akan memberikan hasil kerja yang produktif dan kesan yang positif dalam penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat umum.

7. Mutu perkhidmatan yang tinggi ini dalam perancangan perbandaran yang bersepadu dan mampan, peningkatan akses kepada pemilikan rumah rakyat yang berkualiti dan memenuhi keperluan masyarakat, persekitaran yang bersih dan selesa didiami, keselamatan yang terjamin dan kesaksamaan dalam akses kepada kemudahan masyarakat dan infrastruktur bagi pelbagai golongan masyarakat akan dapat meningkatkan rasa kegembiraan dan kesejahteraan di kalangan masyarakat bandar.

8. Aktiviti-aktiviti ini akan dirakamkan di laman sesawang *International Day of Happiness* PBB dan Facebook *International Day of Happiness*. Tahun 2017 adalah tahun ketiga sambutan ini diraikan oleh KPKT, sebelum ini ialah pada 2016 dan 2015.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat*

*b.p. Ketua Setiausaha*

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555*

*Faks : 03-8891 5557*

*E-mel : pro@kpkt.gov.my*